

## **PROFESIONALISME KEGURUAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH MENURUT PANDANGAN GURU PENOLONG KANAN (GPK) PENTADBIRAN**

Teaching Professionalism Among Trainee Teachers From The Perspective Of Senior  
Assistant Teacher (GPK) of Administration

<sup>1</sup>Julia Madzalan\*, <sup>1</sup>Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, <sup>1</sup>Mohd Faez Ilias,  
<sup>1</sup>Mohd Izzuddin Mohd Pisol, <sup>1</sup>Mohd Amin Noh, <sup>1</sup>Annasaii Jamar,  
<sup>1</sup>Muhammad Syakir Sulaiman, & <sup>2</sup>Siti Fatimah Madzalan  
<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
<sup>2</sup>UiTM Kampus Alor Gajah,  
e-mel: julia@kuis.edu.my\*

### **ABSTRAK**

*Profesionalisme keguruan amat berkait rapat dengan latihan perguruan yang dijalankan oleh institusi pendidikan. Usaha ke arah memartabatkan profesion keguruan ini merupakan usaha yang berterusan melalui kesungguhan latihan perguruan, komitmen kepada latihan guru dan penambahbaikan yang berpanjangan. Kajian ini memfokuskan tahap penilaian guru pembimbing terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar (latihan praktikum) di sekolah. Kajian ini melibatkan seramai 32 orang Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran yang terlibat secara langsung bersama guru-guru pelatih sepanjang mereka menjalani praktikum di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 20 bagi mengukur min, sisihan piawai dan mendapatkan interpretasi skor min. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penilaian GPK selaku guru pembimbing terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar (latihan praktikum) di sekolah berada pada tahap yang baik (min=4.46, SP=0.49). Dicadangkan supaya aspek profesionalisme guru pelatih sentiasa ditingkatkan dengan bimbingan berterusan daripada guru-guru yang lebih berpengalaman dari semasa ke semasa.*

Kata kunci: profesionalisme keguruan, guru pelatih, guru penolong kanan, latihan guru, praktikum

### **ABSTRACT**

*Teaching professionalism is closely related to training conducted by educational institutions. The effort to uphold the teaching profession is a continuous resolution through the seriousness of teaching training, commitment to the training programme and continuous improvement efforts. This study focuses on the level of assessment of mentor teachers on trainee teachers while undergoing teaching training (practicum session) at the school. This study involved 32 Senior Assistant Teachers (GPK) of Administration who were directly involved with trainee teachers throughout their practicum at the secondary schools in Selangor. This study utilises questionnaire as the study tool using quantitative research method. The findings of this study were analysed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20 software in order to measure the mean, standard deviation and acquire the mean score interpretation. The study found that the feedback given by the GPK as mentor teachers towards the trainee teachers during practicum session was at a good level (mean=4.46, SD=0.49). It is suggested that trainee teachers' professionalisme aspects be increased through continuous guidance from the experienced teachers from time to time.*

Keywords: teaching professionalism, trainee teachers, senior assistant teachers, teacher training, practicum

## PENDAHULUAN

Guru yang kompeten dan berupaya menyampaikan pengajaran dengan baik adalah salah satu sumber yang paling utama dalam sesebuah institusi pendidikan. Seorang guru dianggap sebagai seorang agen profesional dan individu yang bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran memandangkan guru memainkan peranan untuk membantu pelajar supaya mendapat manfaat atau tidak dari proses pengajaran yang disampaikan (Boudersa, 2016). Ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh seorang guru dalam dunia pendidikan. Guru yang bagus akan menjadi aset yang penting bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Profesional memberikan erti bahawa seseorang itu mengikut standard etika atau teknikal yang terdapat di dalam satu-satu pekerjaan. Karakteristik profesional turut memberikan maksud bahawa seseorang itu menunjukkan ciri-ciri yang baik seperti sopan santun dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap persekitarannya (Merriam-Webster, 2021). Apabila ciri ini dikaitkan dengan bidang kerjaya perguruan, ini menunjukkan seorang guru perlulah mengikut standard etika dan teknikal yang terdapat di dalam bidang keguruan. Bagi seorang guru di Malaysia, Standard Guru Malaysia menjadi sandaran utama bagi mencapai aspek profesionalisme yang diperlukan di dalam bidang perguruan. Ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melahirkan golongan guru profesional yang kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan (Bahagian Pendidikan Guru, 2009).

Senario pendidikan semakin berubah hari demi hari. Bagi memenuhi tuntutan perubahan ini, institusi dan individu yang terlibat dengan dunia pendidikan perlu memahami kedudukan dan peranan sesebuah institusi pendidikan, cakna dengan keadaan semasa dan bersedia untuk menjadi sebahagian daripada perubahan dan kemajuan dalam dunia pendidikan (Ai Resnawati, Muhammad Kristiawan & Artanti Puspita Sari, 2020). Warga pendidik yang profesional memerlukan pembangunan melalui pendidikan, siri kursus melalui latihan dalam perkhidmatan dan pengalaman mengajar (Turmini, Muhammad Kristiawan & Artanti Puspita Sari, 2020). Selain itu, profesionalisme seorang guru perlulah konsisten dengan perkembangan semasa dunia pendidikan. Maka, program latihan guru adalah satu keperluan bagi menjamin kualiti dan profesionalisme seseorang guru.

Dalam persediaan untuk menjadi seorang guru terlatih, seorang pelajar akan mengikuti latihan mengajar atau praktikum yang akan memberi ruang pembelajaran serta pendedahan tentang dunia pekerjaan. Program latihan mengajar ini adalah komponen yang penting dalam kurikulum latihan perguruan praperkhidmatan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (Bahagian Pendidikan Guru, 2006). Latihan mengajar atau praktikum ini merujuk penempatan pelajar di sesebuah institusi pendidikan untuk menjalankan latihan pengajaran dan pengalaman praktikal di dalam dan di luar bilik darjah yang melibatkan penyeliaan oleh pensyarah dan guru pembimbing. Latihan mengajar ini berlangsung dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum pelajar dianugerahkan sijil, diploma atau Ijazah Sarjana Muda (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Melalui pengalaman latihan mengajar ini, seorang pelajar akan dapat meningkatkan kompetensi dan kemahiran untuk berdaya saing dalam pasaran pekerjaan sekaligus meningkatkan meningkatkan kebolehpasaran seseorang graduan.

Antara objektif program latihan mengajar bagi bidang latihan keguruan ialah untuk:

- i. memupuk sikap positif, meningkatkan daya ketahanan diri serta mengamal nilai profesional keguruan.
- ii. membina daya suai, daya tahan, daya saing dan daya cipta.
- iii. meningkatkan kemahiran memerhati, keprihatinan dan kepekaan terhadap murid.
- iv. menyesuaikan diri dengan budaya sekolah/institusi.
- v. menyepadukan teori dengan amali pengajaran pembelajaran.
- vi. menguasai strategi pengajaran.

- vii. mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran pembelajaran dan seterusnya memperkembangkan potensi mereka sebagai guru.
- viii. membuat renungan dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas guru.

Sumber: Garis Panduan Praktikum (Program Latihan Perguruan Swasta (PLPS), Bahagian Pendidikan Guru, 2006

Program latihan guru membentuk guru pelatih untuk menjadi individu yang kompeten. Antara ciri yang dipupuk adalah keupayaan untuk berdaya saing, menghubungkan pengalaman di dalam dan di luar kelas dengan pengetahuan yang dipelajari, mengaplikasikan teori dan pengetahuan di dalam lapangan, mahir berkomunikasi, serta boleh memanfaatkan pengalaman yang diperoleh dalam kehidupan sebagai seorang guru terlatih. Maka, program latihan mengajar ini dilihat sebagai antara komponen utama dalam sesebuah program latihan dan pengajian bidang pendidikan.

Menurut Richards dan Farrell (2005), perkataan ‘latihan’ dalam latihan guru merujuk kepada

*... aktiviti yang tertumpu kepada tanggungjawab guru secara langsung dan biasanya bertujuan untuk matlamat jangka pendek dan bersifat segera. Selalunya dilihat sebagai persediaan untuk pengajaran bagi tanggungjawab atau tugas pengajaran yang baru. Latihan guru ini melibatkan pemahaman konsep dan prinsip asas sebagai prasyarat untuk diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan berkaitan dengan keupayaan untuk menunjukkan prinsip dan amalan di dalam bilik darjah. Latihan guru juga melibatkan kaedah cuba jaya strategi baru di dalam bilik darjah, biasanya dengan penyeliaan, pemantauan dan mendapatkan maklum balas daripada orang lain mengenai satu amalan. Kandungan latihan biasanya ditentukan oleh pakar dan sering tersedia dalam format latihan standard atau melalui preskripsi dalam buku metodologi.*

Ali, *et al.* (2009) dalam Muhammad Zul Azri, Norinsan Kamil, Irman, Faizal & Zalita (2016) menyatakan bahawa sistem pendidikan harus mampu memenuhi kehendak komersil dan industri, dan boleh menghasilkan tenaga kerja yang berupaya dan bersifat inovatif, produktif dan berkemahiran. Muhammad Zul Azri, *et al.* (2016) turut menyatakan bahawa latihan industri adalah peluang yang baik untuk pelajar mengenali alam pekerjaan, organisasi, operasi organisasi, hubungan dan komunikasi pelbagai lapisan sumber manusia dalam organisasi dan banyak lagi perkara lain yang tidak terdapat di dalam bilik kuliah. Maka, peluang latihan mengajar di sekolah adalah merupakan satu tiket bagi guru pelatih untuk merasai pengalaman sebenar sebagai seorang guru yang meningkatkan kefahaman tentang ilmu keguruan yang dipelajari sepanjang tempoh kuliah di universiti.

Pengalaman praktikum adalah sesuatu yang sangat signifikan bagi menentukan kejayaan guru pelatih apabila memasuki alam pekerjaan nanti. Ini kerana tahap kemahiran kerja adalah elemen utama yang dititikberatkan dalam alam pekerjaan. Pelajar perlu mendapat pendedahan yang optimum tentang pelaksanaan sesuatu kerja semasa latihan industri dan kerja tersebut haruslah berkaitan dengan program yang diambil di institusi pendidikan (Norhanisha, Rozita & Azrayhafizi, 2011). Pengalaman mengajar yang dialami akan menjadi persediaan bagi mereka untuk menghadapi kareh alam pekerjaan sebenar apabila bergelar guru terlatih di institusi tempat bekerja pada masa hadapan.

Semasa menjalani latihan praktikum di sekolah, guru pelatih mendapat pendedahan berkaitan situasi sebenar semasa berada di dalam mahupun di luar kelas. Pendedahan dan pengalaman ini akan meluaskan pengetahuan serta kemahiran para guru pelatih bagi menghadapi alam pekerjaan kelak. Untuk berhadapan dengan cabaran dunia pekerjaan, mereka haruslah mempunyai pengetahuan yang relevan, terkini, pengalaman praktikal berkaitan industri yang diceburi, kemahiran insaniah serta sikap yang positif. Tidak sekadar mahir dalam ilmu bidang, aspek-aspek berkaitan yang mencakupi seluruh sosiobudaya pendidikan perlulah diambil kira bagi melengkapkan ilmu keguruan.

Bagi memastikan kejayaan menyampaikan ilmu kepada pelajar, guru perlulah tahu bagaimana untuk mengajar menggunakan cara yang mudah difahami - suatu perkara yang diketahui namun sukar dilaksanakan (Makovec, 2018). Pada masa kini, adalah penting agar seorang guru “dilengkapkan”

dengan keupayaan tertentu, teknologi kemahiran yang akan memberikan hasil pembelajaran yang diperlukan menurut keperluan pembelajaran abad ke 21 (Shkerina, Savolainen & Zakhartsova, 2020). Penempatan praktikum di sekolah dapat memberikan pendedahan kepada guru pelatih agar memahami budaya dan suasana persekolahan yang sebenar. Guru pelatih juga akan mendapat pengalaman berinteraksi dengan para guru, pentadbir dan warga sekolah. Kemahiran dalam semua bidang ini akan meningkatkan aspek profesionalisme seseorang guru.

Kalau dahulu, guru-guru bersedia untuk PdP secara bersemuka, kini guru-guru perlu bersedia untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Sejak PdPR diperkenalkan bermula penghujung tahun 2020, guru-guru sentiasa aktif menyediakan bahan-bahan pengajaran bagi meneruskan proses PdP secara dalam talian. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa di Malaysia sejak 18 Mac 2020 dan berterusan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) (Thannimalai, 2021) hingga ke fasa Pelan Pemulihan Negara pada masa kini, guru-guru sentiasa menghadapi cabaran bagi memastikan kelangsungan proses PdP kepada para murid. Dalam apa jua keadaan, profesionalisme keguruan perlu dikekalkan bagi memastikan integriti dan kredibiliti seseorang pendidik. Untuk tujuan itu, pandangan guru-guru yang lebih berpengalaman seperti Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran perlulah diambil kira bagi peningkatan profesionalisme terutamanya bagi guru-guru muda seperti guru pelatih.

Selain kemahiran ilmu bidang, kemahiran insaniah dilihat sebagai aspek yang utama bagi meningkatkan profesionalisme para guru pelatih. Antaranya, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif (Nor Lela & Nor Atikah, 2018). Sewaktu menjalani sesi latihan praktikum, guru pelatih akan dapat mempraktikkan ilmu kemahiran insaniah dalam situasi sebenar. Ini adalah sangat berbeza dengan pengalaman yang mereka alami semasa di universiti. Maka, pendedahan praktikum ini akan dapat meningkatkan profesionalisme diri seseorang guru. Tambahan lagi, bimbingan dari guru berpengalaman akan memberikan nilai tambah kepada pengalaman yang dilalui oleh guru pelatih sewaktu menjalani latihan praktikum.

GPK berperanan membantu pengetua atau guru besar dalam aspek kurikulum, pentadbiran, hubungan masyarakat dan keselamatan sekolah. Dalam tempoh praktikum, GPK membantu dalam mengurus penempatan guru pelatih secara langsung sama ada dari aspek pengajaran dan pembelajaran mahupun aktiviti-aktiviti sokongan kurikulum yang dilaksanakan. Selain itu, mereka juga memainkan peranan sebagai guru pembimbing atau mentor kepada guru pelatih. Pandangan dan cadangan daripada GPK selaku guru pembimbing bagi guru pelatih yang mengikuti praktikum di sekolah akan dapat memberikan pencerahan tentang tahap pencapaian serta nilai profesionalisme guru pelatih. Selain daripada menjadi pakar daripada industri, mereka juga lebih banyak membimbing guru pelatih semasa sesi praktikum berdasarkan pengalaman yang luas di dalam situasi sebenar di sekolah berbanding pensyarah universiti. Maka, pendapat mereka perlu diambil kira bagi mengukur tahap pencapaian guru pelatih.

Melalui program pengajian yang ditawarkan, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyediakan latihan jangka masa panjang yang dilalui oleh guru pelatih selama tiga tahun bagi program diploma perguruan dan empat tahun bagi program ijazah sarjana muda pendidikan. Sepanjang tempoh tersebut, guru pelatih diberikan pendedahan kepada ilmu pendidikan, ilmu bidang bagi memenuhi keperluan kepada latihan guru dan ilmu yang berkaitan dengan keperluan tugas seorang guru. Pada semester akhir di dalam program pengajian, guru pelatih akan mengikuti latihan mengajar atau praktikum di sekolah sebagai persediaan sebelum bekerja di lapangan pendidikan yang sebenar sebagai seorang guru yang terlatih.

## OBJEKTIF

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- i. Persepsi GPK Pentadbiran terhadap nilai profesionalisme keguruan dalam kalangan guru pelatih.

## PERSOALAN KAJIAN

Manakala persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah persepsi GPK Pentadbiran terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan guru pelatih?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif iaitu kajian yang menjalankan satu tinjauan untuk melihat aspek profesionalisme keguruan dalam kalangan guru pelatih daripada perspektif GPK Pentadbiran. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah tersebut dan juga menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005; Azhar Harun, *et al.*, 2005). Lokasi kajian tertumpu di sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor. Persampelan kajian ini adalah seramai 32 orang responden yang merupakan GPK Pentadbiran yang merupakan guru pembimbing bagi guru pelatih yang menjalani latihan praktikum di sekolah terbabit.

Persampelan adalah merupakan satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua, 2006, 2012). Persampelan juga merupakan satu aspek yang penting dalam penyelidikan. Ini kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik persampelan bertujuan. GPK Pentadbiran yang dipilih bagi menyertai kajian ini adalah berdasarkan kriteria memegang jawatan di sekolah menengah serta mempunyai pengalaman di dalam bidang pentadbiran melebihi 3 tahun.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dimodifikasi dari kajian yang dijalankan oleh Mohd Aizat dan Kamarudin (2020). Item yang digunakan di dalam soal selidik ini dimodifikasi bagi melihat persepsi GPK terhadap nilai profesionalisme keguruan dalam kalangan guru pelatih. Penganalisan data kajian ini menggunakan statistik deskriptif bagi menghuraikan min, sisihan piawai dan interpretasi skor min seperti yang terdapat di dalam Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Nota: Sumber Jamil Ahmad (1993)

### ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian akan menghuraikan nilai profesionalisme keguruan oleh guru penolong kanan pentadbiran (GPK) yang terlibat terhadap guru pelatih. Jadual 2 di bawah menunjukkan dapatan nilai profesionalisme keguruan guru pelatih seperti berikut:

Jadual 2: Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Profesionalisme Keguruan Guru Pelatih

Item	Min	SP	Interpretasi
Menunjukkan penampilan diri yang sesuai dengan profesion keguruan	4.66	0.47	Tinggi
Mampu bekerjasama secara berpasukan dalam pelaksanaan tugas P&P di sekolah	4.57	0.56	Tinggi
Menunjukkan kesungguhan dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah	4.51	0.56	Tinggi
Menunjukkan kemahiran komunikasi yang baik semasa berinteraksi di sekolah	4.48	0.56	Tinggi
Mengamalkan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah	4.48	0.56	Tinggi
Menunjukkan disiplin ketika melaksanakan tugas	4.45	0.61	Tinggi
Menunjukkan inisiatif dalam melaksanakan tugas di sekolah	4.42	0.66	Tinggi
Berusaha untuk menambah baik dalam melaksanakan tugas di sekolah	4.39	0.60	Tinggi
Menghasilkan kerja yang berkualiti dalam waktu yang ditetapkan	4.39	0.55	Tinggi
Menunjukkan kemampuan untuk mengurus beban kerja	4.24	0.66	Tinggi
Min Keseluruhan	4.46	0.49	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan huraian bagi konstruk nilai profesionalisme keguruan terhadap guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk ini adalah 4.46 dan nilai sisihan piawai adalah 0.49. Ini menunjukkan bahawa konstruk ini mendapat nilai interpretasi yang tinggi mengikut jadual interpretasi nilai skor min oleh Jamil Ahmad (1993).

Berdasarkan analisis dapatan, kajian ini menunjukkan bahawa kesemua item memberi nilai min yang tinggi dan menunjukkan nilai interpretasi yang tinggi. Item yang mendapat nilai min yang tinggi adalah item '*Menunjukkan penampilan diri yang sesuai dengan profesion keguruan*' (min=4.66, sp=0.47). Ini diikuti dengan item '*Mampu bekerjasama secara berpasukan dalam pelaksanaan tugas P&P di sekolah*' yang mencatatkan (min=4.57, sp=0.56). Seterusnya, item '*Menunjukkan kesungguhan dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah*' mencatatkan skor (min=4.51, sp=0.56) yang seterusnya diikuti oleh item '*Menunjukkan kemahiran komunikasi yang baik semasa berinteraksi di sekolah*' dan item '*Mengamalkan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah*' yang mencatatkan nilai min yang sama (min=4.48, sp=0.56). seterusnya, item '*Menunjukkan disiplin ketika melaksanakan tugas*' mencatatkan nilai (min=4.45, sp=0.61).

Bagi item '*Menunjukkan inisiatif dalam melaksanakan tugas di sekolah*' nilai min yang direkodkan adalah (min=4.42, sp=0.66). Ini diikuti dengan item '*Berusaha untuk menambah baik dalam melaksanakan tugas di sekolah*' yang mencatatkan (min=4.39, sp=0.60). Seterusnya item '*Menghasilkan kerja yang berkualiti dalam waktu yang ditetapkan*' mencapai nilai (min=4.39, sp=0.55) dan item terakhir adalah '*Menunjukkan kemampuan untuk mengurus beban kerja*' (min=4.24, sp=0.49). Kesemua item di dalam konstruk ini mencatatkan nilai yang tinggi, selain merekodkan skor min keseluruhan yang tinggi.

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Keseluruhan dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap profesionalisme guru pelatih berada pada tahap yang sangat baik. Ini jelas dilihat melalui maklum balas yang sangat baik daripada responden kajian yang merupakan GPK Pentadbiran di sekolah tempat guru pelatih menjalani latihan mengajar. GPK

Pentadbiran yang merupakan guru pembimbing sewaktu sesi praktikum ini dipilih berdasarkan kriteria mempunyai pengalaman di dalam bidang pentadbiran melebihi tiga tahun. Maka mereka mempunyai pengalaman berkaitan profesionalisme dan kriteria profesional seorang guru seterusnya menjadikan pandangan mereka terhadap guru pelatih adalah suatu pandangan yang tinggi nilainya. Seseorang guru perlulah memenuhi aspek yang digariskan oleh kod etika keguruan seperti tanggungjawab kepada pelajar, ibu bapa, komuniti, negara, rakan sekerja dan kerjaya keguruan (KPM, 2016). Maka pandangan guru pembimbing yang merupakan guru yang memegang jawatan sebagai GPK Pentadbiran di sekolah akan dapat memastikan aspek profesionalisme para guru pelatih atau pun guru muda ini akan sentiasa dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.

Dalam bidang keguruan, Robiah (2002) menyatakan bahawa aspek profesionalisme berkait rapat dengan kualiti, moral dan amalan kerja yang beretika. Ini turut disokong oleh Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) yang menyatakan bahawa amalan kerja yang profesional mencakupi aspek tingkahlaku profesional seperti komitmen dan kepatuhan kepada keperluan beretika, bersikap reflektif pada amalan dan tugas pengajaran, serta kesanggupan untuk belajar dan membangun secara berterusan. Seperti yang ditunjukkan dalam dapatan di atas, aspek profesionalisme guru pelatih mengambil kira aspek seperti penampilan diri, kerja berpasukan, kesungguhan melaksanakan tugas, disiplin, inisiatif, kualiti kerja serta menguruskan beban kerja. Dapatan skor min yang diinterpretasi sebagai tinggi menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai sikap aktif dan proaktif dalam diri bagi menjalankan tugas keguruan yang diamanahkan. Apabila sikap ini menjadi sebatian dalam diri guru, pastinya nilai profesional guru tersebut akan terus meningkat dan akan menjadikan seseorang itu sebagai aset yang bernilai bagi sesebuah institusi.

## KESIMPULAN

Kualiti guru merupakan matlamat dan fokus utama program pendidikan guru di Malaysia. Untuk tujuan menyediakan bakal guru berkualiti, program pendidikan guru yang berkualiti adalah merupakan pendekatan paling sesuai digunakan. Komponen praktikum dalam kurikulum pendidikan menyediakan peluang kepada guru pelatih untuk mengalami pengalaman sebenar untuk mengajar (Mahaya, 2016) semasa menjalani sesi tersebut di sekolah. Bagi menghadapi cabaran globalisasi, kedatangan revolusi industri 4.0 dan pengajaran abad ke 21, seorang guru perlulah tahu persediaan yang perlu disiapkan untuk menggalas tugas sebagai seorang pendidik.

Usaha penambahbaikan kualiti secara berterusan adalah perlu. Pengetahuan dan kemahiran ilmu bidang haruslah mantap dan diikuti dengan sokongan kemahiran insaniah dalam diri seorang guru tersebut. Oleh itu, proses mendapatkan maklum balas berkaitan latihan mengajar di lapangan industri amatlah bertepatan dalam usaha untuk memastikan kualiti guru terus dapat dikekalkan. Para pengkaji mengharapkan agar dapatan daripada penyelidikan ini dapat dijadikan panduan dalam memperbaiki dan memantapkan program latihan perguruan yang dijalankan di Fakulti Pendidikan, KUIS. Hal ini dapat memberikan gambaran berkaitan penilaian pihak industri kepada penyedia latihan perguruan demi memastikan program latihan perguruan yang dijalankan berada pada tahap yang baik dan memenuhi keperluan industri seiring dengan arus pemodenan hari ini.

## RUJUKAN

- Azhar Harun & Nawi Abdullah. (2004). *Metodologi penyelidikan ekonomi dan sains sosial*. Thomson Learning, h.82.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2006). *Garis panduan praktikum Program Latihan Perguruan Swasta (PLPS)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard guru malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Boudersa, N. (2016). The importance of teachers' training programs and professional development in the algerian educational context: Toward informed and effective teaching practices. *Expériences Pédagogiques. No. 1*, Oct 2016. Diakses pada 23 Julai 2021 dari <http://exppedago.ensoran.dz>
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah negeri Kedah Darul Aman*. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Dasar latihan industri institusi pengajian tinggi*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen awal pelan induk pembangunan profesionalisme kejuruan*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mahaya Salleh. (2016). *Keberkesanan Latihan Praktikum Berasaskan Kepada Perkembangan Identiti Profesional Guru Pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Makovec, D. (2018). The dimensions of teacher's professional development. *journal of contemporary. Educational Studies /Sodobna pedagogika. Vol. 69 (135) No. 2/2018 pp. 106–125 ISSN 0038 0474*
- Merriam-Webster, 2021. Diakses pada 17 Oktober 2021 daripada <https://www.merriam-webster.com/dictionary>
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Zul Azri Muhammad Jamil, Norinsan Kamil Othman, Irman Abdul Rahman, Faizal Mohamed & Zalita Zainuddin. (2016). Keberkesanan pelaksanaan sistem latihan amali / industri dalam pengurusan penempatan latihan industri bagi pelajar pusat pengajian fizikgunaan. *Jurnal Personalita Pelajar 19(1)* (2016): 39-48.
- Nor Lela Ahmad & Nor Atikah Majid. (2018). Program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia 43(2)* (2018): 17-27 DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-02>.
- Norhanisha Yusof, Rozita Md Ali & Azrayhafizi Matzin. (2011). Pendedahan pelajar kepada pelaksanaan kerja semasa latihan industri berkaitan dengan program yang diambil di politeknik. *Prosiding Seminar Penyelidikan dan Inovasi Zon Utara 2011*. Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang.
- Richards, J.C. dan Farrell, T. S. C. (2005). *Professional development for language teachers: strategies for teacher learning*. Cambridge University Press.
- Robiah Sidin. (2002). Konsep guru professional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shkerina, T. A., Savolainen, G. S. & Zakhartsova, G. V. (2020). Teacher's professional competence: new challenges, realities and prospects. *The European Proceedings of Social and Behavioural Sciences EpSBS*. e-ISSN: 2357-1330 DOI: 10.15405/epsbs.2020.10.03.118.



Thannimalai, T. (2021). Cabaran PdPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *MJSSH Online: Volume 5 - Issue 3* (July, 2021), Pages 150 – 158 e-ISSN: 2590-3691. DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/147>.

Turmini, Muhammad Kristiawan & Artanti Puspita Sari .(2020). The influence of education, training, and experience towards teacher's professionalism. *Electronic Research Journal of Social Sciences and Humanities. Vol 2: Issue II*. ISSN: 2706 – 8242.